



7 April 2019
7 April 2019
P.U. (B) 177

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PENGGANTUNGAN PELAKSANAAN PERISYTIHARAN
PENGUBAHAN HAD PELABUHAN BAGI
PELABUHAN JOHOR BAHRU

*SUSPENSION OF IMPLEMENTATION OF
DECLARATION OF ALTERATION OF PORT LIMITS FOR
JOHORE BAHRU PORT*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

PENGANTUNGAN PELAKSANAAN PERISYTIHARAN PENGUBAHAN HAD PELABUHAN
BAGI PELABUHAN JOHOR BAHRU

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(3) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*], Menteri menggantung pelaksanaan Perisytiharan Pengubahan Had Pelabuhan bagi Pelabuhan Johor Bahru yang disiarkan dalam P.U. (B) 587/2018 berkenaan dengan kawasan yang dilingkungi oleh garisan bayangan—

- (a) Garis Lintang $01^{\circ} 13.25'$ Utara, Garis Bujur $103^{\circ} 34.60'$ Timur, dari situ terus ke
- (b) Garis Lintang $01^{\circ} 15.15'$ Utara, Garis Bujur $103^{\circ} 34.95'$ Timur, dari situ terus ke
- (c) Garis Lintang $01^{\circ} 15.70'$ Utara, Garis Bujur $103^{\circ} 36.06'$ Timur, dari situ terus ke
- (d) Garis Lintang $01^{\circ} 12.91'$ Utara, Garis Bujur $103^{\circ} 36.07'$ Timur,

sementara menunggu suatu persetujuan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura mengenai pembatasan persempadanan maritim di kawasan yang mengelilingi had pelabuhan Johor Bahru berhampiran dengan Tanjung Piai dan had pelabuhan Singapura berhampiran dengan Tuas yang masih belum dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura di bawah Perjanjian 1995, berkuat kuasa mulai 8 April 2019.

Bagi maksud di atas, “Perjanjian 1995” ertinya Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura untuk Membataskan secara Tepat Sempadan Laut Wilayah mengikut Perjanjian Laut Wilayah Negeri-Negeri Selat dan Johor 1927 yang dibuat di Singapura pada 7 Ogos 1995.

Bertarikh 7 April 2019
[MOT.600-2/14/3]ld.3(13); PN(PU2)199/XXIX]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

MERCHANT SHIPPING ORDINANCE 1952

SUSPENSION OF IMPLEMENTATION OF DECLARATION OF ALTERATION OF
PORT LIMITS FOR JOHORE BAHRU PORT

IN exercise of the powers conferred by subsection 6(3) of the Merchant Shipping Ordinance 1952 [*Ord. 70/1952*], the Minister suspends the implementation of the Declaration of Alteration of Port Limits for Johore Bahru Port published in P.U. (B) 587/2018 in respect of the area enclosed by the imaginary lines—

- (a) Latitude 01° 13.25' North, Longitude 103° 34.60' East, thence directly to
- (b) Latitude 01° 15.15' North, Longitude 103° 34.95' East, thence directly to
- (c) Latitude 01° 15.70' North, Longitude 103° 36.06' East, thence directly to
- (d) Latitude 01° 12.91' North, Longitude 103° 36.07' East,

pending an agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Singapore on the maritime boundary delimitation in the area surrounding the Johore Bahru port limits off Tanjung Piai and Singapore port limits off Tuas which is yet to be agreed upon by the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Singapore under the 1995 Agreement, with effect from 8 April 2019.

For the above purpose, “1995 Agreement” means the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Singapore to Delimit Precisely the Territorial Waters Boundary in accordance with the Straits Settlements and Johore Territorial Waters Agreement 1927 done at Singapore on 7 August 1995.

Dated 7 April 2019

[MOT.600-2/14/3]ld.3(13); PN(PU2)199/XXIX]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport